
Title	Kemahiran kefahaman mendengar di peringkat sekolah rendah
Author	H Kamsiah Bte H Abdullah
Source	<i>Seminar dan Pameran Pengajaran Bahasa Melayu di Sekolah Rendah (1985), 9 - 10 September 1985</i>

This document may be used for private study or research purpose only. This document or any part of it may not be duplicated and/or distributed without permission of the copyright owner.

The Singapore Copyright Act applies to the use of this document.

SEMINAR DAN PAMERAN PENGAJARAN

BAHASA MELAYU
DI SEKOLAH RENDAH
9 – 10 SEPTEMBER 1985

ANJURAN BERSAMA
UNIT BAHASA MELAYU BAHAGIAN SEKOLAH KEMENTERIAN PELAJARAN
DENGAN
JAWATANKUASA PUSAT GURU-GURU BAHASA MELAYU SEKOLAH RENDAH

KEMAHIRAN KEFAHAMAN MENDENGAR DI PERINGKAT SEKOLAH RENDAH

H Kamsiah Bte H Abdullah
Institut Pendidikan, Singapura

Mendengar merupakan satu daripada unsur komunikasi yang tertua, terpenting dan yang paling kerap digunakan, tetapi sebagai satu kemahiran dalam pembelajaran bahasa, ia merupakan bahagian yang kerap diabaikan. Mendengar juga merupakan kemahiran yang utama dan pertama dikuasai oleh kanak-kanak. Dalam proses pemerolehan bahasa kanak-kanak kita dapati bahawa sebelum perkataan pertama atau bunyi pertama yang keluar dari mulut seorang bayi, mereka telah terlebih dahulu terdedah (oleh itu mendengar) berbagai-bagai bunyi bahasa dan bunyi-bunyi bukan bahasa, dengan secara sengaja atau tidak sengaja. Dengan mendengar bunyi yang berbagai itu kanak-kanak dapat mengecam suara orang-orang yang rapat dengannya dan kemudian ia mula dapat memahami secara pasif tentang apa yang diperkatakan oleh orang-orang disekelilingnya itu. Tanpa mendengar bunyi-bunyi bahasa, tidak mungkin bagi seseorang untuk bertutur dalam bahasa tersebut, seperti yang berlaku pada orang-orang yang semula-jadi pekak dan tuli.

Melalui sejarah pendidikan kita mengetahui bahawa perhubungan diantara seorang guru atau mahaguru dengan murid-muridnya berlaku secara lisan. Murid-murid yang belajar itu sebenarnya hanya mendengar segala penerangan dan nasihat mahagurunya dengan tertib. Membaca dan menulis sebagai satu medium pembelajaran hanya bermula sejak beberapa ratus tahun kebelakangan ini sahaja. Pada masa ini walaupun membaca dan menulis mendapat tempat yang istimewa dalam sistem pelajaran kita, namun ini tidak bermakna bahawa kemahiran mendengar harus dikesampingkan.

Anggapan negatif terhadap pelajaran 'mendengar' ini mungkin disebabkan oleh terlalu lumrahnya ia dilakukan dalam kehidupan kita sehari-hari di bilik darjah; guru-guru kerap kali meminta murid-murid mereka supaya senyap dan mendengar penerangannya. Adakah guru menganggap bahawa apabila seseorang murid itu kelihatan telah mendengar maka suatu pembelajaran akan berlaku dengan sendirinya?

Kajian mengenai 'mendengar'

Suatu kajian awal mengenai kemahiran mendengar ini telah dijalankan oleh Rankin (1929). Beliau telah menyelidiki mengenai perkara-perkara yang dilakukan oleh orang dewasa setiap hari. Dapatannya menunjukkan bahawa 70% daripada masa mereka telah digunakan untuk salah satu daripada kegiatan berkomunikasi dan apabila diperinci selanjutnya, didapatinya bahawa 42% daripada masa untuk berkomunikasi itu telah digunakan untuk mendengar, 32% untuk bercakap, 15% untuk membaca dan 11% untuk menulis.

Penyelidikan Markgraf (1957) terhadap murid-murid sekolah tinggi pula menunjukkan yang pelajar-pelajar ini telah menggunakan 46% daripada masa mereka di sekolah untuk mendengar saja; dan 60% daripada aktiviti pendengaran itu ialah untuk mendengar percakapan guru.

Seterusnya, beberapa kajiselidik yang dijalankan kemudiannya telah menyakinkan tentang peri pentingnya kemahiran mendengar ini diajar di dalam dan di luar darjah; bahkan ia juga sangat penting dalam komunikasi lisan kita sehari-hari.

Mengapa kita patut mengajar 'mendengar' di sekolah

Kesimpulan dari kajiselidik-kajiselidik yang dijalankan telah menunjukkan bahawa:

- 1) Kegiatan mendengarlh yang paling tinggi kekerapan penggunaannya di antara lain-lain bentuk komunikasi dalam bilik darjah.
- 2) Kemahiran mendengar paling penting dan asas bagi pempelajari kemahiran-kemahiran lain seperti bercakap, membaca dan menulis.
- 3) Kemahiran ini perlu dipelajari sebagaimana lain-lain kemahiran kerana walaupun ia kerap digunakan tetapi didapati kurang berkesan sebagai media pembelajaran.
- 4) Di peringkat sekolah rendah kemahiran mendengar ini mesti dikuasai terlebih dahulu kerana pada masa itu murid-murid belum dapat membaca dan menulis secara yang berkesan.
- 5) Kemahiran mendengar dapat menolong murid-murid mempelajari isi-isi pelajaran lain selain dari pelajaran bahasa.
- 6) Tanpa latihan mendengar, kebanyakan dari kita akan bergiat ditahap kecekapan 25% sahaja.

Oleh itu adalah diharapkan bahawa kesedaran tentang peri pentingnya kefahaman mendengar ini akan dapat membuka jalan bagi penerapannya dalam pengajaran Bahasa Melayu.

Sebelum menyentuh tentang cara bagaimana ia boleh dilakukan dalam bilik darjah, saya rasa kita akan mendapat lebih manfaat jika kita faham tentang proses yang berlaku apabila seseorang itu mendengar.

Apa yang sebenarnya berlaku apabila seseorang itu mendengar?

Kita sedia maklum bahawa organ pendengaran manusia terdiri dari dedaun telinga, gegendang telinga, bendalir, alat-alat deria telinga tengah, dan telinga dalam. Organ-organ yang sensitif dan kompleks ini berfungsi untuk menangkap dan menafsir berbagai-bagai bentuk bunyi sehingga membolehkan kita mendengar sesuatu bunyi.

Pendengaran adalah satu unsur komunikasi dan tanpa seorang mendengar sesuatu komunikasi lisan tidak akan lengkap. Si penutur yang merupakan punca sesuatu komunikasi akan menubuhkan kod-kod tertentu bagi mesej yang hendak disampaikannya itu di dalam otaknya (encode). Kemudian menerusi alat-alat pertuturannya kod-kod itu disampaikan sebagai bunyi-bunyi bahasa.

Bunyi tersebut diterima sebagai gelombang-gelombang bunyi yang menggetarkan gegendang telinga pendengar dan bermulalah satu siri getaran yang berakhir di bahagian 'telinga dalam' pendengar. Sayugia difahami bahawa bunyi mesej yang disampaikan oleh penutur itu didengar oleh si pendengar bersama-sama dengan bunyi-bunyi lain yang terdapat di persekitaran tempat itu; dan bunyi-bunyi sampingan ini boleh mengganggu tumpuan pendengar kepada sesuatu bunyi tertentu.

Sehingga kini proses pendengaran (hearing) yang berlaku hanyalah bersifat fisiologikal, pendengaran dengan kefahaman (listening) belum berlaku sehingga mesej yang diterima itu dicerakin, dianalisa dan ditafsir di dalam otak. Sebenarnya ransangan bunyi tadi sampai ke bahagian otak dan saraf tunjang secepat kilat, sebagai satu aliran desakan saraf-neural yang berbentuk elektro-kimia. Di bahagian otak ransangan bunyi itu mula diterima sebagai bunyi-bunyi berasingan ataupun sebagai satu kumpulan bunyi yang mesti ditempatkan di dalam satu-satu konteks tertentu. Kemudian barulah ia di kenali sebagai simbol-simbol perkataan yang bermakna dalam sesuatu bahasa.

Seterusnya bahagian otak pendengar akan memadamkan bunyi-bunyi perkataan tadi dengan pengalaman-pengalaman dan kumpulan makna yang telah sedia tersimpan di dalam otaknya, kemudian barulah pendengar dapat menjangka maksud sebenar bunyi bahasa yang didengarinya itu. Secara sedar ataupun tidak ia telah menilai bunyi-bunyi tersebut berdasarkan sikap, nilai-nilai

dan kepercayaannya, sebelum akhirnya memberi reaksi terhadap mesej penutur tadi. Segala pengalaman dan maklumat yang diterima ini akan disimpan di dalam otak dan dalam keadaan-keadaan tertentu ia dapat diingat kembali.

Dari model pendengaran tadi kita dapat menarik beberapa kesimpulan:

- 1) Makna atau maksud sesuatu ajaran itu didapati oleh seseorang pendengar berdasarkan pada tanggapan, pengetahuan, pengalaman dan ekspektasinya sendiri tentang perkataan-perkataan itu, dan makna sebagaimana yang difahami olehnya itu tidak semestinya sama dengan maksud yang hendak disampaikan oleh penutur.
- 2) Ketepatan maksud yang ditanggap oleh pendengar bergantung kepada beberapa faktor lain seperti tahap kemesraannya dengan penutur, suasana keliling, bahan-bahan pertuturan, serta kesediaan, penumpuan dan motivasinya.
- 3) Perhatian, penerimaan dan persepsi pendengar merupakan kemahiran-kemahiran yang boleh dilatih dan dipertajam.
- 4) Kebiasaan dan tata tertib berkomunikasi memerlukan beberapa perlakuan tertentu dari penutur dan pendengar supaya perhubungan itu dapat berjalan dengan lancar dan berkesan. Kebiasaan mendengar yang buruk boleh merosakkan persefahaman tetapi ini dapat diperbaiki dengan kesedaran dan latihan.

Pelaksanaan program kefahaman mendengar di sekolah rendah

Dalam sukatan pelajaran Bahasa Melayu untuk Sistem Pelajaran Baru, pendengaran ada dimasukkan sebagai salah satu butiran dalam pelajaran kefahaman dari peringkat Pr 1 hingga Pr 5. Saya kurang pasti tentang bagaimana pelaksanaan bahagian ini dilakukan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Adakah ia diajar sebagai satu bahagian yang khusus? Adakah pengajarannya dilakukan sambil lewa saja? Adakah digunakan sesuatu alat tertentu? Dan adakah pengajaran mendengar ini dijalankan dengan berkesan?

Namun begitu saya yakin bahawa mutu pengajaran kefahaman mendengar di sekolah-sekolah masih boleh dipertingkatkan, dan dengan melatih murid-murid sekolah dalam kemahiran ini, guru dapat mempertingkatkan daya kefahaman dan daya pemikiran mereka.

Pendekatan dalam pengajaran kefahaman mendengar

Beberapa pendekatan boleh digunakan dalam pengajaran kefahaman mendengar. Diantara yang utama ialah:

1) Pendekatan terus atau langsung

Pendekatan ini memerlukan peruntukan satu masa khas bagi kefahaman mendengar. Ia boleh dilakukan seminggu sekali, dua minggu sekali atau pun beberapa kali sepenggal bergantung kepada peringkat kematangan dan keperluan murid. Beberapa contoh latihan yang khusus untuk melatih kemahiran yang khusus untuk melatih kemahiran ini disertakan dalam Lampiran A.

2) Pendekatan gabung-jalin

Untuk melaksanakan pendekatan ini diperlukan satu re-orientasi atau perombakan semula yang melibatkan mata pelajaran lain atau pun hanya melibatkan komponen pelajaran bahasa sahaja. Misalnya pelajaran bacaan, kefahaman, karangan dan tatabahasa boleh dikaitkan dengan pengajaran kemahiran mendengar dan lain-lain kemahiran berkomunikasi.

3) Pendekatan tak sengaja atau 'Incidental'

Biasanya beginilah caranya satu-satu kegiatan mendengar dilakukan, iaitu secara tak sengaja, kerana guru-guru menganggap bahawa kemahiran ini tidak penting dan kemahiran ini boleh dipupuk dan dikuasai dengan sendirinya. Misalnya aktiviti secara tak sengaja telah diajar semasa pelajaran bacaan. (Murid-murid mendengar guru atau rakan-rakan mereka membaca).

4) Pendekatan Eklektik

Pendekatan ini sebenarnya menggabungkan ciri-ciri yang baik dalam beberapa kaedah termasuk kaedah langsung dan kaedah gabung jalin kerana yang dipentingkan ialah kesesuaian sesuatu kaedah itu dengan kemahiran yang hendak diajar. Pendekatan ini berkemungkinan untuk memberi asas yang baik bagi satu-satu rancangan pendengaran.

Membina kemahiran mendengar

Tugas pertama yang boleh dilakukan oleh seseorang guru dalam hal ini ialah menanamkan kesedaran dalam diri murid-murid tentang pentingnya mendengar dengan teliti dan memahami apa yang didengarnya itu. Guru sendiri memainkan tugas utama dengan menunjukkan contoh kebiasaan-kebiasaan mendengar yang baik semasa mereka berhubungan dengan murid.

Untuk membina kemahiran ini sangat baik jika murid-murid didedahkan kepada berbagai jenis dan bentuk pengalaman mendengar. Pengalaman mendengar ini boleh berbentuk lisan didapati dari mendengar percakapan lisan, pendengaran melalui mendengar pita rakaman, video dan talivisyen. Pada peringkat permulaan perlu dikemukakan bahan-bahan pengajaran dan pengalaman mendengar yang berstruktur dan terkawal. Murid-murid, umpamanya, boleh diberitahu terlebih dahulu tentang apa yang akan mereka dengar. Kemudian barulah diberi latihan lanjutan, beransur-ansur dari yang mudah kepada yang lebih payah.

Di bawah ini disenaraikan beberapa panduan umum yang perlu dipertimbang dalam menyelenggarakan suatu pelajaran kefahaman mendengar:

- 1) Pastikan bahawa keadaan fizikal bilik darjah adalah kondusif untuk pendengaran. Sekitaran yang bising akan mengganggu murid-murid, oleh itu kurangkanlah penggerakan seberapa yang boleh. Pendek kata murid-murid patut ditempatkan dengan selesa, semasa pendengaran berlaku.
- 2) Guru hendaklah bercakap dengan cara yang menarik hati dan fasih, tetapi jangan terlalu cepat sehingga melampaui batas kemampuan murid untuk mendengar dengan kefahaman.
- 3) Bantu murid supaya mengikuti peraturan mendengar yang baik. Dalam hal ini guru sendiri mestilah menjadi contoh pendengar yang baik, iaitu mempunyai kebiasaan dan tingkah-laku yang boleh diteladani.
- 4) Pujian kepada murid yang telah mendengar dengan baik harus diberi kerana ini akan meninggikan motivasi mereka untuk mendengar selanjutnya.
- 5) Elakkan daripada terlalu kerap meminta perhatian murid. Perhatian mereka boleh didapati dengan menggunakan daya atau tektik yang lebih menarik hati.
- 6) Jangan terlalu kerap menggunakan bahan-bahan yang hanya menghendaki murid-murid mengeluarkan atau menyatakan semula

apa yang didengarnya. Untuk memupuk daya cipta berilah latihan “kecergasan otak” (mental alertness) – tumpukan pada apa yang mereka “fikir” tentang apa yang didengarnya.

- 7) Guru hendaklah juga memberi kesedaran kepada murid-murid tentang tahap-tahap pendengaran yang wujud dan nyatakan bahawa tahap-tahap ini bergantung pada perhatian yang diberikan semasa mendengar.
- 8) Kesimpulannya ialah setiap pelajaran kefahaman mendengar ini mestilah memenuhi lima syarat, iaitu:
 - Mempunyai matlamat yang khusus
 - Memaparkan butir-butir yang tepat
 - Mendapat sambutan yang bersifat kritis dan menghayati
 - Bersifat kreatif

Gerak kerja kefahaman mendengar

Pengalaman mendengar boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu mendengar bunyi-bunyi percakapan (bahasa) dan bukan percakapan. Berikut ialah jenis-jenis gerak kerja yang boleh dijalankan dalam pelajaran ini.

A Mendengar bunyi-bunyi alamiah

- 1) Mengecam bunyi-bunyi biasa seperti bunyi kenderaan, binatang, alat-alat rumah dan lain-lain, secara berasingan atau dalam satu turutan bunyi; secara jelas atau diganggu oleh bunyi-bunyi latar belakang.
- 2) Mendengar dan mengingat semula satu turutan bunyi-bunyi yang biasa dan yang jarang didengar.
- 3) Mencari bunyi-bunyi yang sengaja dihilangkan dalam sesuatu konteks pendengaran.
- 4) Mencari bunyi-bunyi yang tak sesuai dalam suatu konteks tertentu.
- 5) Memikirkan satu turutan peristiwa berdasarkan sesuatu turutan bunyi yang diberi.
- 6) Menjangkakan arah bunyi dan jarak bunyi secara berasingan dan juga bersama-sama dengan lain-lain bunyi.

B Kefahaman mendengar (percakapan)

- 1) Mendengar, mengingat dan menyebut semula sesuatu kenyataan.
- 2) Mendengar, mengingat dan melakukan arahan-arahan dengan teliti.
- 3) Mendengar dan mencuba mencari kelainan-kelainan dan persamaan bunyi.
- 4) Mendengar dan mencari isi atau butir-butir utama dalam sesuatu cerita, laporan, perbahasan, ceramah dan perbualan.
- 5) Mendengar dan mencari suatu butiran terperinci yang dinyatakan terlebih dahulu, ataupun tidak.
- 6) Mendengar dan membuat jangkaan (inference) dari sesuatu cerita, kenyataan, pendapat, dll.
- 7) Mendengar dan membuat ramalan tentang apa yang akan terjadi kemudiannya.
- 8) Mendengar untuk mencari perkara-perkara yang berkaitan, ataupun tidak (relevancy).
- 9) Mendengar dan memberi tafsiran tentang pendapat seseorang.
- 10) Mendengar, mengingat dan kemudian melanjutkan ataupun menambah sesuatu turutan peristiwa atau pendapat.
- 11) Mendengar dan menilai sesuatu kenyataan.
- 12) Mendengar dan membincangkan cerita atau laporan melalui pengingatan.
- 13) Mendengar sesuatu perbualan, kemudian menjangka keadaan, perasaan dan ragam penutur-penuturnya.
- 14) Mendengar perbualan dan menjangkakan perhubungan antara penutur.
- 15) Mendengar dan mencari perkara-perkara yang bercanggahan dalam sesuatu perbalahan pendapat.

Beberapa contoh gerak kerja tersebut ada disertakan dalam Lampiran A.

Memandangkan betapa penting dan luasnya potensi pelajaran ini dalam program Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua di peringkat sekolah rendah, saya rasa satu usaha yang bersungguh-sungguh patut dilakukan untuk meneroka bidang ini sehingga memungkinkan pelaksanaannya secara yang berkesan. Walaupun kemahiran mendengar telah bermula sejak kecil tetapi latihan-latihan tertentu adalah diperlukan demi meningkatkan keupayaan menghayati serta keupayaan kefahaman kita.

Rujukan

- 1) Awang Mohamad Amin, 'Beberapa pandangan tentang kemahiran bahasa (Mendengar) dengan rujukan kepada pengajaran bahasa Malaysia sebagai bahasa pertama', dalam Dewan Bahasa, Kuala Lumpur, April 1982.
- 2) Barker, L. L., Listening Behaviour, Prentice-Hall, Englewood Cliffs, N.J., 1971.
- 3) Chappel, B. N., Listening and Learning Practical Activities for Developing Listening Skills, Pearou – Pitman Publishers, Belmont, California, 1973.
- 4) Smith, J. A., Creative Teaching of the Language Arts in the Elementary School, Allyn and Bacon Inc., Boston, 1971.
- 5) Yasin Majid, 'Pendengaran dan Penuturan dalam Pembelajaran Bahasa', dalam Dewan Bahasa, Kuala Lumpur, Mac, 1982.

Lampiran A

Contoh 1 Mendengar dan melukis mengikut arahan

Bahan dari pita rakaman.

Kefahaman Mendengar

Bentuk

Dengarlah arahan ini dengan teliti:

I Lihatlah keempat-empat gambar dalam kertas latihan kamu. Sambil mendengar pita rakaman, tulis angka satu di atas gambar yang mula-mula kamu dengar diterangkan, kemudian tulis angka dua di atas gambar kedua yang diterangkan, dan seterusnya tulis angka tiga dan empat masing-masing.

Nombor 1 : Gambar ini menunjukkan satu bulatan dalam sebuah bentuk empat persegi.

Nombor 2 : Gambar ini menunjukkan sebuah bentuk tiga segi yang mempunyai bentuk empat persegi di dalamnya.

Nombor 3 : Gambar ini menunjukkan sebuah bulatan di dalam sebuah bulatan lain.

Nombor 4 : Gambar ini menunjukkan sebuah bulatan yang mempunyai bentuk empat persegi di dalamnya.

II Sekarang dengarlah arahan selanjutnya. Di dalam kertas latihan kamu, ada disediakan empat ruangan kosong. Lukislah di ruangan tersebut setelah kamu mendengar arahan yang diberi:

Ruangan A : Lukis sebuah bulatan. Sekarang lukis pula sebuah bentuk empat persegi di keliling bulatan itu. Lukis sebuah bintang kecil di hujung sebelah kanan bentuk empat segi itu.

Ruangan B : Lukis sebuah bentuk empat segi, kemudian lukis bentuk tiga segi dalam bentuk empat segi itu. Di tengah-tengah tiga segi itu pula lukiskan satu tanda pangkah.

Ruangan C : Lukis sebuah bulatan. Sekarang lukis sebuah bentuk empat segi dalam bulatan itu. Lukis pula bentuk tiga segi kecil dalam bentuk empat segi itu.

Ruangan D : Lukis sebuah bulatan yang mempunyai satu lagi bulatan di dalamnya. Sekarang lukis pula bentuk empat segi di keliling bulatan luar itu.


Sekarang tutupkan alat perakam ini.


Terima kasih.


Kertas Latihan


Contoh I

I










II

A



B



C



D



Bahan dari pita rakaman.

Dengar arahan ini dengan teliti. Kemudian tuliskan jawapan anda di kertas latihan yang disediakan. Lihatlah perkataan di dalam kotak di sebelah atas. HIDU – H I D U

1. Daripada perkataan hidu ini tambah satu huruf di belakangnya supaya perkataan baru itu bermaksud "tidak mati".
2. Selesai? Sekarang tukar huruf yang terakhir dalam perkataan itu supaya maksud perkataan baru itu ialah "anggota yang terdapat di bahagian muka".
3. Tukar pula perkataan yang keempat supaya maksud perkataan itu jadi "menyediakan atau mempersembahkan makanan".
4. Tukar pula huruf kedua supaya perkataan yang baru itu bermaksud "halang".
5. Tukar pula perkataan pertama supaya maksud perkataan baru itu ialah "suatu tempat yang luas".
6. Tukar pula perkataan ketiga supaya maksud perkataan baru itu ialah "satu alat untuk memotong".
7. Tukar pula perkataan kedua supaya perkataan baru itu bererti "satu keadaan yang tidak aman atau huruhara".
8. Sekarang tukar perkataan ketiga supaya perkataan baru itu ertinya berlawanan dengan pagi.
9. Dan akhirnya sekali, tukar perkataan kedua supaya perkataan baru itu bererti "suatu alat yang disukai oleh bayi".

Sekarang tuliskan huruf dalam bulatan itu di dalam ruangan yang disediakan.

Adakah maksud perkataan itu dibakar dengan perlahan-lahan di atas bara api?

Sekarang inilah jawapannya:

No.	1	:	HIDU	sudah diberi
	2	:	HIDUP	
	3	:	HIDUNG	
	4	:	HIDANG	
	5	:	HADANG	
	6	:	PADANG	
	7	:	PARANG	
	8	:	PERANG	
	9	:	PETANG	
	10	:	PUTING	

Dan jawapan bagi perkataan di dalam bulatan itu ialah DIGANGGANG.

Terima kasih.

Kertas Latihan

Contoh 2

H I D U

1 H I D U

2 ○ _ _ _ _

3 _ _ _ _ _ ○

4 _ _ ○ _ _ _ _

5 _ _ _ _ ○ _ _


6 _ _ _ _ _ _ ○

7 _ _ _ _ _ _ ○

8 _ ○ _ _ _ _ _

9 _ _ _ _ _ ○ _

10 _ _ _ _ _ _ ○



Contoh 3

Mendengar dan mencari isi-isi terpenting dalam satu kenyataan

Bahan dari pita rakaman.

Dengarlah kenyataan ini. Sambil itu carilah idea utama atau isi-isi yang penting.

A Helikopter ialah satu kenderaan yang sangat berguna. Tentera darat dan tentera laut menggunakan helikopter dalam masa peperangan. Ia juga berguna kepada pihak polis apabila mereka hendak menolong menyelamatkan orang-orang di bangunan tinggi ataupun dalam memberantas jenayah. Pekerja-pekerja binaan juga kadang-kadang menggunakan helikopter apabila sesuatu bangunan tinggi hendak dibina. Pada masa akhir-akhir ini ramai orang menggunakan helikopter untuk menjelajah dari satu tempat ke satu tempat yang lain.

Apakah isi utama dalam kenyataan tadi?

Adakah (1) Keseronokan menaiki helikopter?

(2) Kegunaan helikopter.

(3) Cara menggunakan helikopter.

Atau (4) Bagaimana membina bangunan tinggi dengan menggunakan helikopter.

Jawapan yang betul ialah No (2) iaitu Kegunaan Helikopter.

B Dengarlah kenyataan ini dengan teliti. Sambil itu fikirkan apakah tajuknya yang sesuai.

Pulau Langkawi adalah sebuah pulau yang letaknya di antara pantai barat Semenanjung Malaysia. Pulau ini kepunyaan Negeri Kedah. Pemandangan di pulau ini cantik sekali. Pantainya penuh dengan pasir putih dan bersih. Pohon-pohon kelapa di tepi pantai itu melambai-lambai dalam tiupan angin. Pohon-pohon janggus yang tumbuh di sepanjang pulau itu menambahkan lagi keindahan pulau tersebut.

Apakah tajuk yang sesuai bagi petikan tadi?

Adakah (1) Pemandang di Pulau Langkawi.

(2) Pantai Pulau Langkawi.

(3) Langkawi sebuah pulau di Malaysia.

(4) Keindahan Pulau Langkawi.

Jawapannya ialah No (4) iaitu Keindahan Pulau Langkawi.

Contoh 4

Mendengar dan kemudian menyebut semula apa yang didengar mengikut turutan.

Bahan dari pita rakaman.

Dengarlah baik-baik pantun kanak-kanak ini kemudian sebutkan semula apa yang kamu dengar itu.

A

- 1 Sayang-sayang buah kepayang, ditelan pahit dibuang sayang.
- 2 Gendang gendut tali kecapi, kenyang perut suka hati.
- 3 Siakap, senohong, gelama ikan duri, bercakap bohong lama-lama mencuri.
- 4 Mengata dulang paku serpih, mengata orang, awaklah yang lebih.
- 5 Pinggan tak retak, nasi tak dingin, awak tak hendak, saya pun tak ingin.

Sekarang dengarlah ayat-ayat ini, cuba ingat dan sebutkan semula ayat-ayat itu.

B

- 1 Budak cacat itu mencacak cicak yang mati di ceracik di tempat yang licak.
- 2 Wahai, Awang yang lalai, jangan mnyalai ikan salai di tepi balai.
- 3 Haruskah orang yang lurus tetapi boros berbelanja terus?
- 4 Jangan disepak mukanya yang segak, tetapi sepaklah kakinya yang putih melepak.
- 5 Bangun dari tidur, mengucap syukur kemudian menyusur di tepi sumur.

Sekian dulu, terima kasih.